



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 28
No. 21

27hb September 1984

*TAMBAHAN No. 58
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 353.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (FINLAND) 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A (1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut :

*Akta 53.
45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Finland) 1984** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 27hb Julai 1984.

Nama dan mula
berkuatkuasa

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Finland dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Finland (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

Pelepasan
cukai dua
kali.

3. P.U. (A) 267 yang disiarkan pada 26hb Julai 1984 adalah dimansuhkan.

JADUAL

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN
KERAJAAN FINLAND BAGI MENGELAKKAN CUKAI
DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL
BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PEN-
DAPATAN**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Finland, dengan hasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan

mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG KUASA

Perjanjian ini terpakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Cukai-cukai yang sedia ada yang baginya Perjanjian ini terpakai adalah :

(a) di Finland :

- (i) cukai pendapatan negeri;
- (ii) cukai bersama;
- (iii) cukai pelaut; dan
- (iv) cukai yang ditahan di punca dari pendapatan orang-orang yang bukan pemastautin;
(kemudian dari ini disebut “cukai Finland”)

(b) di Malaysia :

- (i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;
- (ii) cukai pendapatan tambahan iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan
- (iii) cukai pendapatan petroleum;
(kemudian dari ini disebut “cukai Malaysia”).

2. Perjanjian ini juga terpakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing berhubungan dengan cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai baginya.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

(a) istilah “Finland” ertinya Republik Finland dan, jika digunakan mengikut pengertian di segi geografi, ertinya wilayah Republik Finland, dan mana-mana kawasan yang bersempadan dengan perairan wilayah bagi Republik Finland yang dalamnya, di bawah undang-undang Finland dan menurut undang-undang antarabangsa, Finland boleh menggunakan hak-hak berkenaan dengan penyelidikan awalan dan pengeksploitan hasil-hasil bumi sama ada yang hidup atau tidak di dasar laut dan di tanah bawah dan perairan superjasean;

- (b) istilah “Malaysia” ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadan dengan perairan wilayah Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian dari ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia mengenai Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menggunakan hak-hak berkenaan dengan penyelidikan awalan dan pengeksploitan hasil-hasil bumi, sama ada yang hidup atau tidak di dasar laut dan di tanah bawah dan perairan superjasean;
- (c) istilah-istilah “Negara Pejanji”, “suatu daripada Negara-negara Pejanji” dan “Negara Pejanji lain” ertinya Finland atau Malaysia mengikut kehendak konteksnya;
- (d) istilah “orang” termasuk seorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang disifatkan sebagai orang bagi maksud-maksud cukai;
- (e) istilah “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan atau suatu syarikat bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah-istilah “enterpris suatu Negara Pejanji” dan “enterpris Negara Pejanji yang satu lagi itu” masing-masing ertinya suatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu enterpris yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (g) istilah “cukai” ertinya cukai Finland atau cukai Malaysia mengikut kehendak konteksnya;
- (h) istilah “rakyat” ertinya :
- (i) berkenaan dengan Finland, mana-mana individu yang mempunyai kerakyatan Finland, dan mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian dan persatuan yang memperolehi tarafnya sebagai sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa di Finland;
 - (ii) berkenaan dengan Malaysia, semua individu yang menjadi warganegara Malaysia dan semua orang di sisi undang-undang, persatuan dan lain-lain entiti yang memperolehi tarafnya sebagai sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
- (i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan oleh kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh sesuatu enterpris yang mempunyai tempat pengurusannya yang efektif dalam satu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (j) istilah “pihak berkuasa yang kompeten” ertinya :
- (i) mengenai Finland, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa ; dan
 - (ii) mengenai Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara Pejanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai baginya.

Perkara 4

KEMASTAUTINAN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, seseorang itu adalah menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji :

- (a)mengenai Finland jika orang itu bermastautin di Finland bagi maksud-maksud cukai Finland; dan
- (b)mengenai Malaysia jika orang itu bermastautin di Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut :

- (a)dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya; jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang dengannya perhubungan peribadi ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang perlu);
- (b)jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
- (c)jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara itu, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang mana dia adalah seorang rakyat;
- (d)jika dia seorang rakyat bagi kedua-dua Negara atau bukan rakyat bagi mana-mana satu Negara itu, maka pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji itu hendaklah menyelesaikan soal itu dengan cara persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini, seseorang lain daripada seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana terletaknya tempat pengurusan-nya yang berkesan.

Perkara 5

ESTABLISHMEN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “establishmen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana kesemua atau sebahagian dari perniagaan enterprais itu dijalankan.

2. Istilah “establismen tetap” adalah termasuk terutama sekali :
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu woksyp;
 - (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuk kayu atau lain-lain keluaran hutan; dan
 - (g) suatu kebun atau ladang.
3. Sesuatu tapak bangunan atau binaan, projek pemasangan atau pemasangan akan menjadi establismen tetap hanya jika ia tahan selama lebih daripada enam bulan.
4. Sesuatu enterprais tidaklah disifatkan mempunyai establismen tetap semata-mata oleh kerana :
 - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan yang semata-matanya adalah bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
 - (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-matanya bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-matanya bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;
 - (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap itu semata-matanya bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
 - (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap itu semata-matanya bagi maksud aktiviti-aktiviti yang bersifat persediaan atau bersampingan, untuk enterprais itu, seperti penyelidikan pengiklanan atau sains:
5. Sesuatu enterprais adalah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap dalam suatu Negara Pejanji dan menjalankan perniagaan melalui establismen tetap itu jika :
 - (a) ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Pejanji itu selama lebih daripada enam bulan yang berkaitan dengan projek tapak bangunan, atau binaan untuk pemasangan yang dijalankan dalam Negara Pejanji itu; atau
 - (b) sebahagian besar dari kelengkapannya digunakan dalam Negara Pejanji itu oleh, untuk atau di bawah kontrak dengan, enterprais itu.

6. Seseorang yang bertindak dalam suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu (selain dari seorang ejen yang bertaraf bebas yang perenggan 7 terpakai baginya) hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap bagi enterprais dalam Negara yang tersebut mula-mula itu; jika :

- (a) dia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara Pejanji itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu; atau
- (b) dia menyenggara dalam Negara itu, suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana dia lazimnya membuat pesanan bagi pihak enterprais itu; atau
- (c) dia mengilang atau memproses dalam Negara Pejanji itu bagi enterprais itu, barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu.

7. Sesuatu enterprais tidaklah boleh disifatkan mempunyai suatu establismen tetap dalam suatu Negara Pejanji semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji itu melalui seorang broker ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas dengan syarat bahawa orang yang sedemikian itu bertindak mengikut perjalanan biasa perniagaannya sebagai broker atau ejen itu.

8. Hakikatnya bahawa sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji adalah mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya) tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap bagi Negara yang satu lagi itu.

Perkara 6

PENDAPATAN DARI HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji dari harta tak alih (termasuk pendapatan dari pertanian atau kehutanan) yang terletak dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah “harta tak alih” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana terletak harta yang berkenaan itu. Bagaimana pun, istilah ini hendaklah termasuk harta yang menyertai harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai baginya, usufuk bagi harta tak alih dan hak-hak membuat bayaran boleh-ubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan atau hak untuk mengusahakan longgokan mineral, telaga minyak atau telaga gas kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi atau kayu atau lain-lain keluaran hutan. Kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini adalah terpakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta tak alih dengan apa-apa cara lain.
4. Jika kepunyaan syer atau hak-hak lain perbadanan dalam sesuatu syarikat melayakkan pemunya syer atau hak-hak perbadanan itu menikmati harta tak alih yang dipegang oleh syarikat itu, pendapatan dari penggunaan secara langsung penyewaan atau penggunaan hak untuk menikmati dengan apa-apa cara lain boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana harta tak alih itu terletak.
5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 Perkara ini adalah juga terpakai bagi pendapatan dari harta tak alih sesuatu enterpris dan bagi pendapatan dari harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.
6. Peruntukan-peruntukan perenggan 4 Perkara ini adalah juga terpakai bagi pendapatan dari hak untuk menikmati yang tersebut dalam perenggan itu bagi sesuatu enterpris dan bagi pendapatan dari hak untuk menikmati itu yang digunakan untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 7`

PENDAPATAN PERNIAGAAN

1. Pendapatan enterpris suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu sahaja, melainkan jika enterpris itu menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterpris itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, maka pendapatan enterpris itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak daripada pendapatan itu yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3 Perkara ini, jika, suatu enterpris suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu pendapatan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ianya suatu enterpris yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan menyenggarakan urusan sepenuh kebebasan dengan enterpris yang mana ianya adalah suatu establismen tetap.
3. Pada menentukan pendapatan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan belanja enterpris itu, iaitu belanja (termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am) yang dengan munasabahnya berkaitan dengan establismen tetap itu dan yang boleh dibuat potongan jika establismen tetap itu adalah suatu entiti bebas yang melakukan belanja itu, sama ada dilakukan di Negara Pejanji di mana terletakinya establismen tetap itu atau di tempat lain.

4. Tiada apa-apa jua pendapatan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata oleh sebab establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.
5. Jika maklumat yang didapati oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi sesuatu Negara Pejanji itu adalah tak mencukupi bagi menentukan pendapatan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap sesuatu enterprais, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara Pejanji itu berhubungan dengan penentuan liabiliti cukai seseorang itu dengan menggunakan budi bicara atau pembuatan suatu anggaran oleh pihak berkuasa yang kompeten dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah dipakai, setakat mana maklumat yang didapati oleh pihak berkuasa yang kompeten itu membenarkan, mengikut prinsip Perkara ini.
6. Bagi maksud perenggan-perenggan di atas, pendapatan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dari setahun ke setahun melainkan jika ada sebab yang baik dan cukup sebaliknya.
7. Jika pendapatan termasuk apa-apa butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara lain dalam Perjanjian ini (kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Perkara itu) mata peruntukan-peruntukan dalam Perkara itu tidaklah terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan yang diperolehi oleh enterprais suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja.
2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 7, pendapatan yang diperolehi daripada pengendalian kapal atau pesawat udara semata-mata di antara tempat-tempat di suatu Negara Pejanji boleh dicukai di Negara Pejanji itu.
3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini juga terpakai bagi pendapatan yang diperolehi oleh enterprais suatu Negara Pejanji daripada penyertaannya dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu ejensi kendalian antarabangsa.

Perkara 9

ENTERPRAIS BERSEKUTU

Jika

- (a) enterprais suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal enterprais suatu Negara Pejanji dan suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dikendalikan antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dikendalikan antara enterprais-enterprais tak berkait, maka apa-apa pendapatan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah dijangka terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam pendapatan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji iaitu dividen yang mana pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu berhak secara berfaedah, bolehlah dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Bagaimana pun dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Finland, iaitu dividen yang mana pemastautin Malaysia berhak secara berfaedah, boleh juga dicukai di Finland dan menurut undang-undang Finland, tetapi cukai yang dicajkan itu tidak boleh melebihi :

(a) 5 peratus daripada amaun kasar dividen itu jika penerima ialah suatu syarikat (selain daripada suatu perkongsian) yang memegang secara langsung sekurang-kurangnya 10 peratus daripada modal syarikat yang membayar dividen itu;

(b) 15 peratus daripada amaun kasar dividen itu dalam segala hal lain.

3. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia, iaitu dividen yang mana pemastautin Finland berhak secara berfaedah hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicajkan atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan atas pendapatan syarikat itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan dari dividen itu cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong bolehlah diselaraskan mengikut kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

4. Istilah “dividen” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari syer-syer, atau hak-hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, sertaan keuntungan, dan juga pendapatan dari lain-lain hak perbadanan yang tertakluk kepada layanan percukaaian yang sama seperti pendapatan dari syer-syer mengikut undang-undang Negara yang mana syarikat yang membuat pengagihan itu adalah seorang pemastautin.

5. Tiada apa-apa jua pun dalam perenggan-perenggan di atas Perkara ini boleh menyentuh percukaaian syarikat berkenaan dengan keuntungan-keuntungan yang darinya dividen itu dibayar.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidaklah terpakai jika orang yang berhak secara berfaedah ke atas dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, di mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak dalamnya, dan pemegangan yang oleh sebabnya dividen itu dibayar ada kaitannya secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 adalah terpakai.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji, iaitu bunga yang mana seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu berhak secara berfaedah boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimana pun, bunga itu boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji di mana bunga itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara tetapi cukai yang dicaj demikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara itu:

(a) bunga yang mana pemastautin Finland itu berhak secara berfaedah boleh dikecualikan dari cukai Malaysia, jika pinjaman atau keterhutangan lain yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan atau pinjaman jangka panjang sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia (sebagaimana dipinda), atau jika bunga itu dibayar kepada Kerajaan Finland, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau Kredit Eksport Finland Berhad atau Kumpulan Wang Finland bagi Koperasi Perindustrian Berhad, atau mana-mana institusi yang keseluruhannya atau sebahagian besarnya dipunyai oleh Kerajaan Finland, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, sebagaimana dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji itu;

(b) bunga yang mana pemastautin Malaysia itu berhak secara berfaedah boleh dikecualikan dari cukai Finland, jika bunga itu dibayar kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, Bank Negara Malaysia, atau mana-mana institusi yang modalnya pada keseluruhannya atau sebahagian besarnya dipunyai oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, sebagaimana dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Pejanji itu.

4. Istilah “bunga” dalam Perkara ini ertinya bunga dari sekuriti, bon atau dibentur Kerajaan, sama ada dicagarkan dengan cara gadai janji atau tidak dan sama ada memberi hak untuk menyertai

dalam keuntungan-keuntungan atau tidak, dan dari tiap-tiap jenis tuntutan hutang dan juga pendapatan lain yang diasimilasikan dengan bunga mengikut undang-undang percukaian bagi Negara Pejanji di mana terbitnya pendapatan itu.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidaklah terpakai jika orang yang berhak secara berfaedah ke atas penerima kepentingan itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak dalamnya, dan tuntutan hutang yang mengenainya bunga itu dibayar ada kaitannya secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 adalah terpakai.

6. Bunga hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau pemastautin Negara Pejanji itu. Walau bagaimana pun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai suatu establismen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkenaan dengannya hutang atas mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan orang yang berhak secara berfaedah ke atas bunga atau antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, maka amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan orang yang berhak sedemikian jika tidak ada perhubungan yang sedemikian itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang demikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu tetaplah kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Pejanji itu, dengan memberi perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji, iaitu royalti yang mana pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu berhak secara berfaedah boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji di mana royalti itu terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi :

- (a)berkenaan dengan Finland, 5 peratus amaun kasar royalti itu;
- (b)berkenaan dengan Malaysia, 15 peratus amaun kasar royalti itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi dari Malaysia oleh pemastautin Finland yang menjadi empunya benefisial royalti itu adalah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Istilah “royalti” dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran setakat yang ia dibayar sebagai balasan kerana :

(a)mengguna atau hak untuk mengguna apa-apa

(i) hakcipta, paten, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, cap dagangan, atau lain-lain harta atau hak yang serupa;

(ii) kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik: atau

(iii) filem wayang gambar atau pita untuk siaran radio atau televisyen;

(b)memberi pengetahuan atau maklumat saintifik, teknik, perindustrian atau perdagangan;

(c)memberi apa-apa bantuan sampingan atau tambahan kepada, dan diberi sebagai suatu cara untuk membolehkan penggunaan atau penikmatan apa-apa harta atau hak sedemikian sebagaimana dinyatakan dalam subperenggan (a) (i), apa-apa kelengkapan sedemikian sebagaimana dinyatakan dalam subperenggan (a) (ii), atau apa-apa pengetahuan atau maklumat sedemikian itu sebagaimana dinyatakan dalam subperenggan (b).

5. Istilah “royalti perindustrian yang diluluskan” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya royalti sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 4 Perkara ini yang diluluskan dan diperakui oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi Malaysia sebagai kena dibayar bagi maksud menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh suatu enterprais yang kesemuanya atau terutamanya mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas yang berikut :

(a)Pengilangan pemasangan dan pemprosesan;

(b)pembinaan kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau

(c)elektrik, kuasa hidraulik, gas atau bekalan air.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidaklah terpakai jika orang yang berhak secara berfaedah ke atas royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana royalti itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar ada kaitannya secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 adalah terpakai.

7. Royalti hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarnya ialah Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara Pejanji itu. Walau

bagaimana pun, jika orang yang membayar royalti itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai establismen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkaitan dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit dalam Negara Pejanji di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan orang yang berhak secara berfaedah atas royalti atau antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, maka amaun royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan orang yang berhak sedemikian itu jika tidak adanya perhubungan yang sedemikian itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang demikian, bahagian royalti yang berlebihan itu tetaplah kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini.

9. Royalti yang diperolehi oleh pemastautin Finland iaitu royalti yang, sebagai sewaan filem, adalah tertakluk kepada duti sewa filem wayang gambar di Malaysia tidak akan dikenakan cukai Malaysia.

Perkara 13

LABA MODAL

1. Laba yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian milik harta tak alih, yang tersebut dalam perenggan 2 Perkara 6 dan terletak dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Laba yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian milik syer atau lain-lain hak perbadanan yang tersebut dalam perenggan 4 Perkara 6 boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletaknya harta tak alih yang dipegang oleh syarikat itu.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI

1. Tertakluk kepada Perkara 15, 16, 18, 19 dan 20, saraan (selain dari pencen) yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan diri (termasuk perkhidmatan profesional) hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu melainkan jika perkhidmatan itu dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu. Jika perkhidmatan itu dijalankan sedemikian, maka apa-apa saraan yang diperolehi daripadanya boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini, saraan (selain dari pencen) yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan diri (termasuk perkhidmatan profesional) yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu, jika—

- (a) penerimanya berada dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlah kesemuanya tidak melebihi 183 hari dalam suatu tahun asas atau tahun yang boleh dikenakan cukai mengikut mana yang berkenaan;
- (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang yang bukannya pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu; dan
- (c) saraan itu tidak boleh dipotong semasa menetapkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi establismen tetap yang dipunyai oleh orang itu dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan tersebut di atas dalam Perkara ini, saraan yang diperolehi berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa bolehlah dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletaknya tempat pengurusan establismen itu yang berkesan.

Perkara 15

FEE PENGARAH

Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14, fee pengarah dan bayaran-bayaran serupa itu yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah atau apa-apa organ lain serupa itu bagi sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 16

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14, pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, iaitu seperti artis pentas, wayang gambar, radio atau televisyen, atau ahli muzik, atau sebagai olahragawan, dari aktiviti-aktiviti persendirian mereka sebagai sedemikian yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan mengenai aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur atau seorang olahragawan atas sifatnya sebagai sedemikian tidak terakru kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada seorang yang lain, maka pendapatan itu boleh, walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 7 dan 14, dicukai dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah terpakai bagi saraan atau pendapatan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Pejanji yang berkaitan secara langsung dengan lawatan ke Negara itu yang diatur oleh dan secara langsung atau secara tak langsung ditanggung keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada wang awam Negara Pejanji yang satu lagi itu, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 17

PENCEN DAN ANUITI

1. Apa-apa pencen (selain dari jenis pencen yang tersebut dalam perenggan 2 Perkara 18) atau lain-lain bayaran serupa itu atau apa-apa anuiti yang dibayar kepada pemastautin bagi suatu Negara Pejanji boleh dicukai hanya dalam Negara itu.
2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1, pencen dan lain-lain bayaran yang dibuat di bawah perundangan keselamatan sosial sesuatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu.
3. Istilah “anuiti” ertinya sejumlah wang tertentu yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa tertentu, sepanjang hayat atau sepanjang tempoh masa tertentu atau yang boleh dipastikan, yang berkewajipan membuat bayaran menggantikan balasan yang cukup dan sepenuhnya dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang.

Perkara 18

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. Saraan, selain dari pencen atau anuiti, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara Pejanji itu, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu. Walau bagaimana pun, saraan itu hendaklah dikenakan, cukai hanya dalam Negara Pejanji yang mana individu itu adalah seorang pemastautin jika perkhidmatan itu diberi dalam Negara Pejanji itu dan individu itu :

- (a) adalah rakyat Negara .Pejanji itu; atau
- (b) tidak menjadi pemastautin Negara Pejanji itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada wang yang diadakan oleh, suatu Negara Pejanji, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara Pejanji itu, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini, peruntukan-peruntukan Perkara 14, 15 dan 17 terpakai bagi saraan dan pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi .berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 19

PENUNTUT DAN PERANTIS

Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi itu dan berada dalam Negara yang satu lagi itu semata-mata:

- (i) sebagai penuntut di universiti, kolej, sekolah yang diiktirafkan atau lain-lain institusi pelajaran yang diiktirafkan yang serupa dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu; atau
- (ii) sebagai perantis perniagaan atau teknik selama tempoh tidak lebih daripada 2 tahun dari tarikh ia mula-mula sampai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu berhubungan dengan lawatan itu,

hendaklah dikecualikan dari cukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu atas:

- (a) segala remitan dari luar negeri bagi maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya; dan
- (b) apa-apa saraan yang tidak lebih daripada dua ribu lima ratus dolar Amerika Syarikat bagi perkhidmatan persendirian yang diberi dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu dengan tujuan menambah sumber-sumber yang boleh didapati untuknya bagi maksud-maksud itu.

